

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI (JELUTONG)**

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah yang telah berlaku kepada kemudahan-kemudahan atau fasiliti-fasiliti pusat latihan khidmat negara di seluruh Malaysia semenjak Program Latihan Khidmat Negara ini diberhentikan.

JAWAPAN

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 Julai 2018, telah bersetuju untuk memansuhkan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Susulan keputusan tersebut, kontrak pengusaha-pengusaha kem PLKN di seluruh negara telah ditamatkan berkuatkuasa 4 Oktober 2018. Semua kemudahan atau fasiliti-fasiliti di kem PLKN tersebut adalah merupakan milik persendirian pengusaha-pengusaha berkenaan.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pertahanan telah membuat sewaan 4 buah bekas kem PLKN di Sarawak dan sebuah bekas kem PLKN di Sabah mulai Januari 2019, berdasarkan keperluan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Kem-kem PLKN yang disewa oleh Kementerian Pertahanan ialah Kem PLKN Bumimas (Sarawak), Kem PLKN Similajau (Sarawak), Kem PLKN Puncak Permai (Sarawak), Kem PLKN Junaco Park (Sarawak) dan Kem PLKN San Shui (Sabah).

Terima kasih.